

CNS3412

R GB 17-02 00159 BH868

BAH

Lawatan - Akhbar

AKHBAR BANGLADESH SAMBUT BAIK LAWATAN MAHATHIR

Daripada Shafiqul Bashar

I

DHAKA, 17 Feb (Bernama) -- Beberapa akhbar utama di sini menyifatkan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bangladesh baru-baru ini sebagai berjaya kerana ia dapat mengukuhkan lagi hubungan serta meningkatkan kerjasama dua hala antara Dhaka dan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Bangladesh yang berakhir Ahad lepas.

Lidah pengarang akhbar, Star, sebuah harian berbahasa Inggeris yang utama di negara ini yang bertajuk "Ke Arah Hubungan Lebih Erat Dengan Malaysia" berkata bahawa lawatan itu telah mewujudkan haluan baru yang mampu memupuk hubungan dua hala yang lebih erat antara kedua-dua negara.

Katanya, hubungan Bangladesh dan Malaysia penting daripada pelbagai aspek dan menambah kata, "terdapat tarikan yang muncul kerana menjadi sebahagian daripada negara Selatan yang dieksploit."

Tarikan yang wujud itu diperkukuhkan lagi dengan persamaan budaya dan agama. -- Lagi.

▼17/02/12-01MST

CNS3416

R GB 17-02 00135 BH869

BAH

Lawatan - Akhbar 2 Dhaka

Lidah pengarang itu juga berkata bahawa banyak idea yang bermanfaat telah diketengahkan dan beberapa perjanjian dimeterai berkaitan dengan idea-idea berkenaan semasa lawatan itu.

"Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah memupuknya," katanya sambil menyatakan harapan agar Bangladesh akan menggunakan inisiatif yang terhasil daripada lawatan itu sebaik mungkin".

Dainik Bangla, sebuah akhbar harian vernakular di Dhaka dalam lidah pengarangnya "Persahabatan Dhaka-Kuala Lumpur" berkata, lawatan Dr Mahathir sebagai satu peristiwa penting dalam sejarah persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

"Lawatan itu akan mengukuhkan lagi persahabatan antara kedua-dua negara manakala ruang lingkup kerjasama akan dapat diperluaskan," kata akhbar itu.

Sambil menekankan pentingnya kemajuan pesat industri di Bangladesh, ia berkata: "Malaysia dapat membantu kita dengan kerjasama yang lebih bermakna dalam hubungan ini". -- Lagi.

▼17/02/12-04MST

CNS3419

R GB 17-02 00162 BH870

BAH

Lawatan - Akhbar 3 (Akhir) Dhaka

Harian berbahasa Inggeris The New Nation pula berkata, lawatan itu akan dapat mengeratkan persahabatan sambil menyatakan bahawa ekonomi kedua-dua negara sedikit sebanyak saling melengkapi.

Ia berkata, Bangladesh boleh mengeksport tenaga kerja untuk memenuhi keperluan tenaga manusia Malaysia manakala komoditi-komoditi dapat diperdagangkan untuk faedah bersama.

Akhbar Bangladesh Times, dalam lidah pengarangnya "Ikrar Untuk Mengukuhkan Kerjasama" berkata, lawatan itu akan memperluaskan bidang kerjasama dan membuka lembaran baru dalam hubungan antara Bangladesh dan Malaysia.

"Kedudukan geo-fizikal, agama dan latar belakang kebudayaan serta imperatif ekonomi menunjukkan kerjasama rapat antara kedua-dua negara," katanya.

The Telegraph, sebuah lagi harian nasional dalam lidah pengarang menyentuh mengenai lawatan Dr Mahathir ke Zon Pemprosesan Eksport (EPZ) di Chittagong pada 14 Feb dan mengulas tentang kemungkinan Malaysia melabur di Bangladesh.

Harian vernakular, Inqulab pula berkata, lawatan Dr Mahathir itu akan membantu memulakan projek usahasama dan meningkatkan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara. -- Bernama.

▼17/02/12-07MST